



**GARIS PANDUAN LAYANAN CUKAI BAGI
PERBELANJAAN PRAPERJANJIAN PETROLEUM DI BAWAH
AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967 (APCP)**

1. PENGENALAN

- 1.1 Cukai pendapatan petroleum adalah cukai yang dikenakan atas Orang yang Boleh Dikenakan Cukai (OBD) ke atas pendapatan yang diperolehi daripada operasi petroleum di bawah suatu perjanjian petroleum menurut seksyen 3, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 (APCP).
- 1.2 Perjanjian petroleum merujuk kepada tafsiran seperti yang dinyatakan di dalam subseksyen 2(1) APCP.
- 1.3 Perbelanjaan praperjanjian petroleum untuk industri hulu adalah perbelanjaan bagi pemerolehan data dan kajian seismik yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan potensi dan keadaan muka bumi sesuatu kawasan yang akan dianugerahkan oleh Petrolia Nasional Berhad (PETRONAS) kepada bakal OBD.

2. OBJEKTIF

Garis panduan ini dikeluarkan bagi memberi penjelasan berhubung layanan cukai ke atas perbelanjaan praperjanjian petroleum yang layak di bawah Kaedah-Kaedah Petroleum (Cukai Pendapatan) (Potongan bagi Perbelanjaan Praperjanjian Petroleum) 2025 [P.U.(A) 119/2025].

3. PERBELANJAAN PRAPERJANJIAN PETROLEUM YANG LAYAK

Perbelanjaan praperjanjian petroleum yang layak adalah seperti yang diperuntukkan di bawah P.U.(A) 119/2025 iaitu:-

- 3.1 pemerolehan data seismik ; dan
- 3.2 kajian seismik.

4. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PERBELANJAAN PRAPERJANJIAN PETROLEUM

4.1. Perbelanjaan praperjanjian petroleum yang disebut dalam perenggan 3 adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

4.1.1. perbelanjaan praperjanjian petroleum yang layak itu dilakukan oleh :

(i) mana-mana orang dan perjanjian petroleum itu disempurnakan pada atau selepas 1 Januari 2024; atau

(ii) mana-mana orang yang merupakan pekongsi kepada suatu perkongsian dan perjanjian petroleum itu disempurnakan pada atau selepas 1 Januari 2024; dan

4.1.2. perbelanjaan dilakukan di suatu kawasan kontrak yang akan disempurnakan dengan PETRONAS dalam tempoh tiga (3) tahun sebaik sebelum tarikh perjanjian petroleum disempurnakan.

4.2. OBD perlu mendapatkan surat pengesahan daripada Pengurusan Petroleum Malaysia (MPM), PETRONAS mengesahkan bahawa perbelanjaan tersebut adalah perbelanjaan praperjanjian petroleum yang layak dan dibenarkan sebagai *cost recoverable*.

4.3. Perbelanjaan praperjanjian petroleum yang layak itu hendaklah disifatkan telah dilakukan pada tarikh perjanjian petroleum itu disempurnakan.

5. LAYANAN PERCUKAIAN

5.1. Perbelanjaan praperjanjian petroleum yang layak hendaklah dibenarkan bagi suatu tempoh sepuluh (10) tahun taksiran bermula dari tahun taksiran OBD mencapai jualan atau pelupusan petroleum yang boleh dikenakan cukai buat kali pertama daripada operasi petroleumnya dan amaun potongan bagi setiap tahun taksiran hendaklah ditentukan mengikut formula yang berikut:

$$\frac{A}{B}$$

apabila A ialah perbelanjaan praperjanjian petroleum yang layak; dan B ialah sepuluh (10) tahun taksiran.

- 5.2. Perbelanjaan praperjanjian petroleum yang layak yang tidak dapat dituntut sepenuhnya dalam menentukan pendapatan larasan OBD di bawah satu perjanjian petroleum tidak boleh dipindahkan kepada perjanjian petroleum yang lain.
- 5.3. Layanan cukai bagi perbelanjaan praperjanjian petroleum yang layak adalah seperti berikut:

Contoh 1

Alpha Sdn Bhd (ASB) /Beta Sdn Bhd (BSB) telah menyempurnakan perjanjian petroleum dengan PETRONAS bagi Blok A1 pada 1.6.2024.

ASB/BSB – Blok A1 PSC telah melakukan perbelanjaan sebelum perjanjian petroleum disempurnakan. Senarai perbelanjaan yang telah dibenarkan sebagai *cost recoverable* oleh PETRONAS dan telah disahkan layak dituntut bagi perbelanjaan praperjanjian petroleum adalah seperti berikut:

Perbelanjaan praperjanjian petroleum	Tarikh perbelanjaan praperjanjian petroleum dilakukan	Jumlah (RM)
Pemerolehan data seismik – Blok A1 PSC.	2.6.2021	900,000
Perkhidmatan kaji selidik dan pemprosesan data seismik – Blok A1 PSC (keluasan 100 km ²) dan Blok A2 PSC (keluasan 150km ²) adalah RM1,270,000. Oleh itu, perbelanjaan praperjanjian petroleum yang dilakukan untuk Blok A1 PSC sahaja yang layak dituntut oleh OBD berdasarkan: i. keluasan kawasan kontrak; dan ii. telah dilakukan dalam tempoh 3 tahun sebelum dari tarikh PSC dimeterai dengan PETRONAS. $\text{RM } 1,270,000 \times \frac{100 \text{ km}^2}{250 \text{ km}^2}$ $= \text{RM } 508,000$	2.6.2021	508,000

Perbelanjaan praperjanjian petroleum	Tarikh perbelanjaan praperjanjian petroleum dilakukan	Jumlah (RM)
Perkhidmatan kaji selidik dan pemprosesan data seismik - Blok A1 PSC.	2.6.2021	500,000
Langganan data geologi dan seismik – Blok A1 PSC.	1.8.2022	1,500,000
Jumlah perbelanjaan praperjanjian petroleum yang layak.		3,408,000

ASB/BSB - Blok A1 PSC mencapai jualan atau pelupusan pertama petroleumnya pada 1.3.2029.

Layanan Cukai:

Perbelanjaan praperjanjian petroleum yang layak dituntut oleh ASB/BSB - Blok A1 PSC adalah sebanyak RM 340,800 setahun mulai tahun taksiran 2029 sehingga 2038 (akaun ditutup pada 31 Disember setiap tahun) berdasarkan pengiraan seperti berikut:-

RM 3,408,000 = RM340,800 setahun
10 tahun

- 5.4. Jika OBD yang melakukan perbelanjaan praperjanjian petroleum yang layak menjalankan operasi petroleumnya di bawah dua atau lebih perjanjian petroleum dan kawasan di bawah setiap perjanjian petroleum itu adalah berdampingan, tempoh sepuluh tahun taksiran hendaklah bermula dari tahun taksiran yang OBD itu menjual atau melupuskan petroleum yang boleh dikenakan cukai buat kali pertama yang berhubungan dengan kawasan di bawah perjanjian petroleum yang perbelanjaan praperjanjian petroleum yang layak itu dilakukan.

Contoh 2

Fakta kes adalah sama seperti Contoh 1. Maklumat tambahan adalah seperti berikut:

ASB/BSB juga telah menyempurnakan perjanjian petroleum dengan PETRONAS sebelum ini bagi Blok C3 dan Blok D4 yang telah mencapai jualan atau pelupusan petroleum yang boleh dikenakan cukai buat kali pertama daripada operasi petroleumnya pada tahun taksiran 2021 (akaun ditutup pada 31 Disember setiap tahun).

ASB/BSB – Blok A1 PSC berdampingan dengan ASB/BSB - Blok C3 dan Blok D4 PSC. Di bawah subseksyen 2(4) APCP, OBD akan dinamakan sebagai ASB/BSB - Blok A1, C3 dan D4 PSC.

Berdasarkan kepada fakta di atas, tahun taksiran pertama ASB/BSB - Blok A1, C3 dan D4 PSC adalah pada tahun taksiran 2021. Walau bagaimanapun, perbelanjaan praperjanjian petroleum tidak boleh dituntut dalam tahun taksiran 2021 tetapi hanya dibenarkan untuk dituntut mulai tahun taksiran 2029. Ini kerana ASB/BSB – Blok A1 PSC akan mencapai jualan atau pelupusan petroleum yang boleh dikenakan cukai buat kali pertama daripada operasi petroleumnya pada 1.3.2029.

- 5.5. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia berhak untuk menyemak perbelanjaan praperjanjian petroleum yang layak yang dituntut oleh OBD.

6. KETIDAKPAKAIAN

Layanan cukai di bawah perbelanjaan praperjanjian petroleum ini tidak terpakai bagi :

- (a) PETRONAS;
- (b) Malaysia – Thailand Joint Authority (MTJA);
- (c) OBD yang menjalankan operasi petroleum di dalam Kawasan Pembangunan Bersama dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran; atau
- (d) OBD yang menjalankan operasi petroleum di suatu kawasan di bawah mana-mana perjanjian atau perkiraan yang dibuat oleh Kerajaan dengan kerajaan mana-mana wilayah di luar Malaysia bagi eksplorasi dan eksploitasi petroleum bersama di dalam kawasan pertindihan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran.

7. TARIKH KUAT KUASA

Garis panduan ini mula berkuat kuasa pada tahun taksiran 2024 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

8. PENAFIAN

Contoh di dalam garis panduan ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Tarikh : 28 November 2025

s.k : LHDN.AG.600-1/5/57